

AKTIVITI PAK-21

Aktiviti 1

Bab 3: Penjelmaan III/Transformations III

Arahan:

Instructions:

1. Bahagikan murid kepada 4 kumpulan.
Divide students into 4 groups.
2. Guru memberi satu jenis penjelmaan sama ada pembesaran, translasi, pantulan atau putaran kepada setiap kumpulan.
The teacher gives one type of transformations whether it is an enlargement, a translation, a reflection or a rotation to each group.
3. Setiap kumpulan berbincang dan membina satu penjelmaan berdasarkan penjelmaan yang diberi.
Each group discusses and form a transformation based on the given transformation.
4. Setiap kumpulan bergilir-gilir memanggil kumpulan lain untuk melukis imej berdasarkan penjelmaan yang dibentuk. Daripada imej yang dilukis itu, minta murid dari kumpulan lain membina satu lagi penjelmaan lain.
Each group takes turn to call the other groups to draw the image of the transformation formed. From the image that has been drawn, ask the students from the other groups to form another transformation.
5. Setelah selesai aktiviti kesemua kumpulan, perbincangan akan diadakan bersama guru berdasarkan hasil dapatan dalam setiap perbincangan kumpulan.
Once all the group activities are done, a discussion with the teacher will be carried out based on the result in each of the group discussion.

Bab 10: Pelan dan Dongakan/Plans and Elevations**Arahan:****Instructions:**

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
Divide students into several groups.
2. Guru menyediakan pelbagai jenis pepejal seperti kubus, kuboid, silinder, piramid dan sebagainya.
The teacher prepares a variety of solids such as cubes, cuboids, cylinders, pyramids and so on.
3. Setiap kumpulan mengambil beberapa buah pepejal dan menggabungkan pepejal-pepejal itu menjadi sebuah gabungan pepejal.
Each group takes a few of the solids and combined the solids to form a composite solid.
4. Setiap kumpulan menunjukkan gabungan pepejal yang dibentuk kepada kumpulan lain. Murid dalam setiap kumpulan memerhati dan melukis pelan dan dongakan gabungan pepejal yang ditunjukkan pada sekeping kertas kosong.
Each group shows the composite solid formed to other groups. Students in each group observe and draw the plan and the elevation of the composite solid shown on a blank paper.
5. Murid dalam setiap kumpulan membentangkan dan membincangkan pelan dan dongakan yang telah dilukis.
Students in each group present and discuss the plan and the elevation that has been drawn.